



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)**

Bahasa Melayu (Suaian)

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS (KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)**

Bahasa Melayu (Suaian)

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 5

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2019

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan.....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	3
Fokus	5
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	8
Elemen Merentas Kurikulum.....	12
Rancangan Pengajaran Individu.....	17
Pentaksiran Bilik Darjah.....	17

Organisasi Kandungan	21
Kemahiran Mendengar dan Bertutur atau Kemahiran Melihat, Mengecam dan Berisyarat.....	27
Kemahiran Membaca (Lisan atau Isyarat).....	29
Kemahiran Menulis.....	31
Aspek Seni Bahasa.....	33
Aspek Tatabahasa.....	35
Glosari	38
Panel Penggubal.....	43
Penghargaan.....	44



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber:Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid termasuk MBK dari pelbagai kategori iaitu Ketidakupayaan Pendengaran, Ketidakupayaan Penglihatan, Masalah Pembelajaran, Ketidakupayaan Fizikal, Ketidakupayaan Pertuturan dan Ketidakupayaan Pelbagai mempunyai ruang dan peluang yang sama untuk mengikuti KSSRPK (Peraturan Pendidikan Khas 2013).

Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di Sekolah dan Program Pendidikan Khas Integrasi Ketidakupayaan Pendengaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan bahawa seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti, susunan aktiviti dan bahan bantu mengajar. Pengubahsuaian yang dibuat hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) dibina supaya pembelajaran yang diperoleh di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk MBK Ketidakupayaan Pendengaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna. Fleksibiliti dalam melaksanakan KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) memberi ruang kepada guru merangka aktiviti untuk meningkatkan kemahiran berfikir, penggunaan teknologi dan penerapan nilai dalam memastikan pembangunan MBK secara holistik.

Mata pelajaran KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) adalah sama dengan mata pelajaran KSSR aliran perdana. Namun bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Suaian), Bahasa Inggeris (Suaian) dan Pendidikan Islam (Suaian), kurikulum mata pelajaran tersebut disuaikan mengikut keupayaan MBK Ketidakupayaan Pendengaran. MBK Ketidakupayaan Pendengaran turut mengikuti mata pelajaran Bahasa Isyarat Komunikasi (BIK) bagi membantu mereka menguasai kemahiran dalam mata pelajaran yang lain.

MATLAMAT

KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) bermatlamat melahirkan MBK yang berkeyakinan dalam berbahasa dan berkomunikasi, berilmu pengetahuan, bermaklumat dan mampu memberi idea bagi memenuhi keperluan diri, perhubungan sosial dan urusan harian.

OBJEKTIF


KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) bertujuan untuk membolehkan MBK mencapai objektif berikut:

1. Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat, memahami, mentafsir dan memberikan respons dengan betul terhadap maklumat dan soalan yang diujarkan, berkomunikasi untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan, menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat, bersoal jawab tentang sesuatu maklumat secara kritis dan kreatif, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul dan gaya yang sesuai secara bertatasusila.
2. Membaca secara lisan atau isyarat dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons, membuat pertimbangan dan keputusan serta membaca secara lisan atau isyarat karya sastera dan bukan sastera, menganalisis kandungan teks untuk membuat rumusan dan mempersembahkannya dalam pelbagai bentuk penyampaian secara komunikasi seluruh.
3. Menulis ayat dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan secara kritis dan kreatif, mencatat maklumat, menulis teks prosa yang diimlakkan, menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.
4. Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa, melafazkan syair dan mendeklamasi sajak dengan menyatakan maksudnya serta mengubah suai puisi, cerita dan seni kata lagu dengan bahasa yang indah dan santun secara berpandu dan mempersembahkannya secara komunikasi seluruh dengan gaya yang kreatif. Mengenal, mengecam, menyebut atau mengisyarat dan menulis huruf tunggal dalam perumpamaan mengikut kaedah seni tulisan jawi.
5. Memahami dan menggunakan golongan kata, bentuk kata serta dapat membina ayat mengikut konteks dengan betul.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) berfokuskan kepada tiga bidang kemahiran bahasa dan dua aspek bahasa. Tiga bidang kemahiran bahasa tersebut iaitu kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat dan kemahiran menulis. Dua aspek bahasa tersebut iaitu aspek tatabahasa dan aspek seni bahasa. Penguasaan aspek tatabahasa yang baik dapat membantu MBK berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala penguasaan aspek seni bahasa pula, MBK dapat mengapresiasi keindahan Bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran berbahasa.

KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) bagi Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) adalah untuk memberi pendedahan kepada MBK dalam kemahiran asas literasi untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, asas kemahiran membaca secara lisan atau isyarat dan asas kemahiran menulis yang dilaksana sepenuhnya dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara terancang.

Manakala KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) bagi Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula memberi penekanan terhadap aplikasi kemahiran literasi dan berbahasa supaya mereka lebih berketerampilan dalam berkomunikasi. Penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur membolehkan MBK dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, penguasaan kemahiran membaca membolehkan MBK dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca manakala penguasaan kemahiran menulis pula, MBK dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Kemahiran berbahasa dan kemahiran berkomunikasi menekankan penggunaan komunikasi seluruh sebagai medium berkomunikasi. Komunikasi seluruh merupakan satu kaedah yang menggabungkan isyarat tangan, ejaan jari, bacaan bibir, gerak tubuh, ekspresi muka serta suara dan baki pendengaran yang ada secara serentak. Medium ini membolehkan MBK (Ketidakupayaan Pendengaran) berupaya untuk menyampaikan pendapat, idea dan maklumat dalam pelbagai situasi pembelajaran dan perhubungan sosial serta urusan harian.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu (Suaian) menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke- 21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyooalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dirancang perlu memberi penekanan kepada PdP berpusatkan murid. Murid dilibatkan secara aktif dalam PdP yang menyepadukan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan penerapan sikap dan nilai murni. Dalam melaksanakan PdP, guru perlu menyusun atur kemahiran yang hendak diajar, memberi latihan yang konsisten dan menilai tahap pencapaian murid melalui proses analisis tugas dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- Mengenal pasti tahap keupayaan murid.
- Merancang aktiviti PdP yang sesuai mengikut tahap keupayaan murid.
- Menghuraikan secara ringkas aktiviti yang dipilih.
- Menyediakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang sesuai dengan tahap keupayaan murid.
- Mencerakinkan aktiviti kepada langkah-langkah yang lebih kecil.
- Membuat pemerhatian dan penilaian terhadap pencapaian murid.
- Membuat penambahbaikan yang sesuai

Bagi meningkatkan minat dan keseronokan belajar, guru boleh mempelbagaikan pendekatan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, konstruktivisme, pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan projek, belajar melalui bermain, pendekatan bertema, pembelajaran pengalaman dan pembelajaran luar bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan yang mementingkan pembelajaran melalui pengalaman. Inkuiri secara am bermaksud mencari maklumat, menyoal dan menyiasat tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Pembelajaran secara inkuiri berlaku apabila konsep dan prinsip utama dikaji dan ditemui oleh murid sendiri.

Dalam strategi PdP inkuiri, murid menyoal dan mengemukakan pendapat berlandaskan hasil penerokaan. Guru boleh bertindak sebagai fasilitator dengan mengemukakan soalan bagi memandu murid ke arah inkuiri. Perbincangan boleh dijalankan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti.

Konstruktivisme

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baharu bagi menstruktur semula idea mereka.
- Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran Kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan harian murid. Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran kontekstual, perkaitan antara ilmu yang diajar dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Murid tidak hanya belajar secara teori semata-mata, bahkan dapat menghayati kerelevanan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan harian.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) merupakan proses PdP yang berasaskan inkuiri. Strategi ini memerlukan murid untuk memberi tumpuan kepada persoalan atau masalah yang kompleks, menyelesaikan masalah tersebut melalui proses penyiasatan secara bekerjasama dalam suatu tempoh waktu. Projek yang dijalankan adalah untuk menyiasat topik atau isu yang dihadapi murid dalam persekitaran sebenar. Semasa menjalankan proses penyiasatan ini, murid dapat mempelajari kandungan, maklumat dan fakta-fakta yang diperlukan untuk membuat kesimpulan tentang persoalan atau masalah yang ditimbulkan. Melalui PBP murid dapat mempelajari kemahiran yang dihasratkan dan mengasah kemahiran berfikir mereka sendiri.

Belajar Melalui Bermain

Pendekatan Belajar Melalui Bermain (BMB) ditekankan dalam proses PdP bagi murid khususnya MBK kerana pendekatan ini berupaya menarik minat dan menimbulkan keseronokan ketika belajar. BMB menggalakan MBK melakukan penerokaan, penemuan dan pembinaan kefahaman berdasarkan pengalaman, dengan rasa gembira dan seronok. Pendekatan ini boleh

meningkatkan keupayaan kognitif dan meningkatkan rasa ingin tahu, penguasaan kemahiran berfikir dan psikomotor, serta kemahiran mengendalikan emosi.

Ciri-ciri Belajar Melalui Bermain (BMB) adalah seperti berikut:

- Aktiviti yang menyeronokkan.
- Penerokaan dan interaksi dengan persekitaran.
- Permainan bebas dan terancang.
- Keanjalan masa.
- Percubaan idea sendiri.
- Peluang untuk memberikan tumpuan dan perhatian.

Pendekatan Bertema

Pendekatan Bertema (PB) digunakan dalam proses PdP murid. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan persekitaran murid. Pendekatan PB melibatkan:

- Penggunaan suatu tajuk umum merentasi bidang pembelajaran.
- Pemilihan tajuk tema berasaskan kesesuaian tahap murid, situasi tertentu atau peristiwa semasa.

- Saling berkaitan dengan pengalaman sedia ada dan pengalaman baru yang diperoleh secara tersusun dan sistematik.
- Peluasan dan pengukuhan pengetahuan dan kemahiran
- Pemingkatan daripada yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

Pemilihan tema perlu mengambil kira:

- Peluang untuk mengaplikasi kemahiran kepada murid-murid seperti kemahiran asas mendengar, membaca, menulis, mengira, penggunaan komputer dan lain-lain.
- Kemahiran yang diperoleh daripada tema yang diajar dapat membantu murid mendapat kemahiran penyelesaian masalah.
- Sumber yang mudah didapati.
- Mengikut musim atau peristiwa untuk memberi kesedaran dan pengukuhan serta meningkatkan pengetahuan murid.

Pembelajaran Pengalamian

Pendekatan Pembelajaran Pengalamian merupakan satu kaedah di mana MBK diberi peluang melalui situasi sebenar semasa aktiviti PdP dijalankan. Pendekatan ini membantu murid meningkatkan keupayaan sendiri mereka. Dalam melaksanakan pendekatan ini, guru berperanan:

- Menentukan suasana yang positif untuk proses pembelajaran.
- Menjelaskan peranan murid dalam tugas.
- Menyediakan sumber untuk proses pembelajaran.
- Melakukan simulasi untuk proses pembelajaran.
- Memberi fokus yang sama bagi komponen intelek dan emosi dalam pembelajaran.
- Menyediakan satu persekitaran bagi membolehkan guru dan murid berkongsi perasaan dan pemikiran secara bebas.
- Menempatkan murid dalam situasi atau suasana yang memerlukan kemahiran baru atau sokongan dan peneguhan dengan pengalaman lalu.
- Memberi bantuan, bimbingan dan peneguhan dengan mengaitkan pembelajaran yang baharu dalam kehidupan sebenar murid seperti sekolah, keluarga dan komuniti.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pendekatan ini bertujuan menyediakan ruang dan peluang untuk murid:

- Memperoleh pengalaman sebenar.
- Meningkatkan kecergasan dan perkembangan fizikal.
- Bersosialisasi dan berkomunikasi.
- Melaksanakan aktiviti yang menggembirakan.
- Meneroka dan berinteraksi dengan persekitaran.
- Melakukan aktiviti bebas dan aktiviti terancang.

Antara aktiviti di luar bilik darjah termasuk lawatan, perkhemahan atau kursus motivasi, perkelahan, aktiviti berkuda, berenang dan aktiviti menjual beli.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);

- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, memperbaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang

yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

11. Kemahiran Transisi

Pelaksanaan KSSRPK perlu menyepadukan modul transisi bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam perkembangan fizikal, corak kehidupan harian, membina hubungan dengan ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan komuniti baru apabila mereka mengalami peralihan. Sepanjang sesi persekolahan, MBK akan mengalami peralihan atau transisi dari peringkat prasekolah ke sekolah rendah dan seterusnya ke sekolah menengah termasuk peralihan apabila mereka naik darjah dan tingkatan.

Proses transisi di sepanjang persekolahan memerlukan MBK melalui perubahan lokasi (sekolah dan kelas), mendapat rakan dan guru baru serta perubahan kurikulum dan perubahan pemikiran dan fizikal. Perubahan ini memberi tekanan kepada MBK untuk menyesuaikan diri mereka agar mereka lebih bersedia untuk belajar di dalam bilik darjah.

Kandungan modul transisi pada peringkat sekolah rendah ini mengandungi 4 komponen iaitu:

(i) Kemahiran Adaptasi Persekitaran

Guru membantu MBK untuk memahami dan mematuhi perkara seperti berikut:

- Peraturan dalam bilik darjah dan sekolah
- Jadual
- Rutin Harian
- Keperluan mengikut giliran
- Keperluan mengikut dan mematuhi arahan

(ii) Kemahiran Ketrampilan Sosial

Guru membantu MBK untuk memahami dan menguasai kemahiran berikut:

- Memenuhi tanggungjawab sebagai anak, murid dan rakan sebaya.
- Menanam tingkah laku sosial yang positif di mana MBK boleh membezakan batasan hubungan dalam masyarakat.
- Mengawal emosi dan tingkah laku khususnya apabila mereka menghadapi perasaan takut, sedih, gelisah dan sebagainya.

(iii) Kemahiran Pra-akademik

Guru membantu MBK dengan kemahiran membaca dan kemahiran asas literasi dengan memahami objektif pembelajaran dalam arahan yang dipecahkan kepada langkah yang lebih kecil.

(iv) Kemahiran Membina Hubungan dan Komunikasi

Guru membantu MBK melalui proses transisi dengan sokongan ahli keluarga melalui proses berikut:

- Memahami latar belakang dan keperluan individu MBK dari segi minat, aktiviti kegemaran, sifat individu mereka dan amalan di rumah.

- Mendapatkan sokongan ibu bapa dan ahli keluarga serta staff sekolah dalam memahami rutin MBK di sekolah dan di rumah.
- Penyediaan akomodasi dan penyesuaian dalam aspek persekitaran, jadual waktu dan aktiviti rutin harian.
- Berkomunikasi dengan ahli keluarga dan warga sekolah.

Faktor hubungan dan interaksi di antara MBK, ahli keluarga dan guru akan mempengaruhi bagaimana MBK belajar dan tahap pencapaian MBK (sosial dan akademik) dalam melalui proses transisi. Menurut pelbagai kajian peringkat antarabangsa, ciri amalan transisi yang berkesan adalah aktiviti yang dapat membantu MBK membina watak atau sifat berikut:

- MBK merasakan mereka sesuai dan suka berada di sekolah.
- MBK memahami dan menghargai budaya di sekolah.
- MBK menghormati dan bergaul dengan rakan, guru dan staf sekolah.
- MBK melibatkan diri secara aktif dalam kelas.
- MBK mengetahui identiti dan peranan mereka sebagai murid.
- Ekspektasi positif dari guru.
- MBK secara berterusan membina sifat yang positif di sekolah dan rumah.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah menjelaskan bahawa Rancangan Pendidikan Individu (RPI) adalah rekod yang melaporkan butiran rancangan pendidikan berasaskan kepada potensi individu MBK. Guru perlu mengenal pasti keupayaan dan kelemahan murid melalui ujian diagnostik secara pemerhatian, lisan dan penulisan. Matlamat RPI adalah untuk meminimalkan halangan belajar dan memaksimumkan potensi diri bagi meningkatkan kesediaan MBK untuk belajar.

Kerjasama dan kolaboratif antara ibu bapa, kumpulan pakar, agensi kerajaan, pusat latihan kemahiran dan agensi bukan kerajaan (NGO) amat penting dalam menentukan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi yang sesuai dengan ketidakupayaan murid. Aktiviti intervensi dan rehabilitasi seperti latihan pertuturan, kawalan emosi dan tingkah laku boleh membantu murid meningkatkan tumpuan, minat dan perhatian kepada PdP di dalam bilik darjah. Program transisi pula dapat membantu MBK mengadaptasi dan menyesuaikan diri dengan keluarga, persekitaran, komuniti, tempat latihan dan tempat kerja untuk advokasi diri dan sokongan psikologi. Justeru, gabungan aktiviti intervensi, rehabilitasi dan program transisi akan dapat membantu guru membina RPI dengan lebih berkesan.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.

- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

PBD juga perlu mengambil kira kemajuan MBK berdasarkan pelaksanaan intervensi yang dirancang menggunakan RPI. RPI merupakan dokumen yang menjelaskan tahap lima domain perkembangan murid iaitu kognitif, komunikasi, sosio-emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus. Peningkatan kesediaan MBK untuk belajar boleh dikenal pasti dan direkodkan dalam RPI yang mana akan membantu guru menentukan strategi dan kaedah PdP bersesuaian dengan potensi individu murid.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Suaian) Ketidakupayaan Pendengaran.

Jadual 3: Pernyataan Umum Tahap Penguasaan KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian)

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<p style="text-align: center;">2 Terhad</p>	<p>Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.</p>
<p style="text-align: center;">3 Memuaskan</p>	<p>Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.</p>
<p style="text-align: center;">4 Baik</p>	<p>Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.</p>

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
<p style="text-align: center;">5 Sangat Baik</p>	<p>Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara sendiri dalam kemahiran bahasa.</p>
<p style="text-align: center;">6 Cemerlang</p>	<p>Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara sendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.</p>

Standard Prestasi KSSRPK (Ketidakupayaan Pendengaran) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Suaian)

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk menentukan tahap penguasaan murid berdasarkan pengalaman bersama murid dan perbincangan profesional dengan rakan sejawat. Pentaksiran yang dibuat seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik.

Standard Prestasi Bahasa Melayu (Suaian) Ketidakupayaan Pendengaran digunakan untuk melihat kemajuan dan perkembangan murid dalam pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Perkembangan murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan

pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan. Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran selesai dilaksanakan.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi setiap mata pelajaran perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap Penguasaan Keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat.

ORGANISASI KANDUNGAN

KSSR Pendidikan Khas (Ketidakupayaan Pendengaran) Bahasa Melayu (Suaian) diorganisasikan mengikut tiga kemahiran dan dua aspek. Kesemua bidang ini diorganisasikan melalui Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Jadual 4 di bawah memberikan tafsiran maksud standard-standard tersebut. Pelaksanaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (Suaian) adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas yang berkuatkuasa sekarang. Waktu minimum pelaksanaan KSSRPK Bahasa Melayu (Suaian) ini adalah 160 jam setahun.

Jadual 4: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

KEMAHIRAN BAHASA DAN ASPEK BAHASA

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada standard kurikulum Bahasa Melayu (Suaian) dan pendekatan modular. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis manakala aspek bahasa meliputi aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

1. Kemahiran Mendengar dan Bertutur atau Kemahiran Melihat, Mengecam dan Berisyarat

Kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat memberi penekanan kepada MBK yang berupaya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan atau visual perkara yang didengar atau dilihat dalam pelbagai situasi pengucapan serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur atau berisyarat pula merujuk keupayaan MBK berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi atau isyarat yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur atau berisyarat.

2. Kemahiran Membaca Secara Lisan atau Isyarat

Kemahiran membaca secara lisan atau isyarat memberikan tumpuan pada kemahiran membaca secara lisan atau isyarat di samping penggabungjalinan kemahiran bahasa yang lain. Kemahiran membaca secara lisan atau isyarat merujuk keupayaan MBK membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca secara lisan atau isyarat. Melalui kemahiran membaca MBK juga berupaya menghayati teks yang dibaca secara lisan atau isyarat.

3. Kemahiran Menulis

Kemahiran Menulis merujuk keupayaan MBK menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. MBK juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4. Aspek Seni Bahasa

Seni bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam Bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh MBK. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Di samping itu, MBK mampu menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre melalui isyarat dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

5. Aspek Tatabahasa

Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis Bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan atau isyarat dan bertulis.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam PdP Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan Bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah ini;

1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

1.1 Morfologi

Bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

a) Struktur kata merujuk pada pola suku kata bagi:

- kata asli bahasa Melayu
- kata pinjaman bahasa Melayu

b) Bentuk kata terdiri daripada:

- kata terbitan
 - kata ganda
 - kata majmuk
- c) Proses pembentukan kata meliputi:
- Pengimbuhan
 - penggandaan
 - pemajmukan
- d) Golongan kata terdiri daripada:
- kata nama
 - kata kerja
 - kata adjektif
 - kata tugas

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

1.2 Sintaksis

Bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau

kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a) Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b) Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- c) Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d) Susunan ayat iaitu susunan biasa dan songsang
- e) Binaan ayat;
 - ayat dasar
 - ayat tunggal
 - ayat terbitan atau ayat majmuk
- f) Proses ayat terbitan;
 - proses penggantian
 - proses pengguguran
 - proses peluasan

2. Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian dalam pertuturan.

Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan. Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- a) pola keselarasan huruf vokal
- b) ejaan kata pinjaman
- c) ejaan kata dasar dan kata terbitan

3. Sebutan dan Intonasi atau Isyarat

Sebutan dan intonasi atau isyarat diajarkan supaya murid dapat menyebut atau mengisyarat perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda atau isyarat. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi atau isyarat supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Sebutan atau isyarat diajarkan supaya murid dapat menyebut atau mengisyarat sesuatu kata atau kod dengan betul. Sebutan atau isyarat Bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- a) ayat penyata
- b) ayat tanya
- c) ayat perintah
- d) ayat seruan

- e) ayat songsang
- f) ayat aktif
- g) ayat pasif

4. Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkat dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

5. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilang dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Nota:

Buku Tatabahasa Dewan Edisi Terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR ATAU KEMAHIRAN MELIHAT, MENGECEM DAN BERISYARAT

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1.1 Mendengar atau mengecam isyarat serta memberikan respons semasa berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mendengar atau melihat, mengecam sebutan atau isyarat dan menyebut atau mengisyarat semula ujaran yang terdapat dalam situasi formal.</p> <p>1.1.2 Mendengar atau melihat, memahami dan memberikan respons terhadap maklumat yang diujarkan dalam situasi formal.</p> <p>1.1.3 Mendengar atau melihat, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis dan kreatif.</p>
<p>1.2 Bertutur atau berisyarat untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.</p>	<p>1.2.1 Bertutur atau berisyarat untuk menyatakan pertimbangan dan keputusan tentang bahan multimedia secara bertatasusila mengikut konteks.</p> <p>1.2.2 Bertutur atau berisyarat untuk menghuraikan maklumat tersurat dan tersirat yang dikenal pasti dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.</p> <p>1.2.3 Bersoal jawab untuk menjana idea tentang sesuatu perkara.</p>
<p>1.3 Bercerita dan menceritakan perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan atau isyarat yang betul.</p>	<p>1.3.1 Bercerita dengan sebutan atau isyarat yang betul dan gaya yang sesuai.</p> <p>1.3.2 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar, ditonton dan dibaca dengan sebutan atau isyarat yang betul dan gaya yang sesuai.</p>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap sangat terhad.
2	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap terhad.
3	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap memuaskan.
4	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap kukuh.
5	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap terperinci.
6	Mendengar, mengecam sebutan atau isyarat dan memberikan respons dengan betul terhadap ujaran, berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan, bercerita dan menceritakan sesuatu perkara dengan sebutan atau isyarat yang betul secara bertatasusila pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA (LISAN ATAU ISYARAT)

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Asas membaca secara lisan atau isyarat dan memahami.	Murid boleh: 2.1.1 Membaca secara lisan atau isyarat dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons.
	2.1.2 Membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna, perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan perkataan.
2.2 Membaca secara lisan atau isyarat, memahami dan menaakul bahan multimedia.	2.2.1 Membaca secara lisan atau isyarat dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
2.3 Membaca secara lisan atau isyarat dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera.	2.3.1 Membaca secara lisan atau isyarat dan meneliti kandungan teks karya bukan sastera dan karya sastera untuk membuat rumusan.
	2.3.2 Membaca secara lisan atau isyarat dan mempersembahkan karya bukan sastera dan karya sastera dengan pelbagai bentuk penyampaian.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap sangat terhad.
2	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap terhad.
3	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap memuaskan.
4	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap kukuh.
5	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap terperinci.
6	Membaca secara lisan atau isyarat dengan sebutan atau isyarat yang betul, memahami dan menganalisis karya sastera dan bukan sastera serta menyampaikannya dengan gaya penyampaian yang sesuai pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Asas menulis.	Murid boleh: 3.1.1 Menulis ayat dalam perenggan secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai.
3.2 Menulis perkataan, frasa dan ayat yang bermakna.	3.2.1 Membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat daripada sesuatu bahan multimedia. 3.2.2 Menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan secara kritis dan kreatif. 3.2.3 Mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca, dilihat dan didengar. 3.2.4 Menulis teks prosa yang diimplakkan.
3.3 Menghasilkan penulisan.	3.3.1 Mendraf dan menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat. 3.3.2 Mengedit dan memurnikan perenggan dari aspek ejaan, tanda baca, penggunaan imbuhan, penggunaan kata dan struktur ayat.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terhad.
2	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terhad.
3	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap memuaskan.
4	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap kukuh.
5	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terperinci.
6	Menulis ayat secara mekanis dalam bentuk tulisan berangkai, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat, menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan dan mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca secara lisan atau isyarat, dilihat dan didengar serta menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat serta mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

4.0 ASPEK SENI BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahasa sastera.	Murid boleh: 4.1.1 Bercerita atau berisyarat dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa dan bahasa yang santun secara komunikasi seluruh.	Pentaksiran aspek seni bahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat atau kemahiran menulis mengikut kesesuaian PdP.
4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.	4.2.1 Melafazkan atau mengisyaratkan syair secara komunikasi seluruh dan menyatakan idea keseluruhan syair. 4.2.2 Mendeklamasikan atau mengisyaratkan sajak secara komunikasi seluruh dan menyatakan maksud sajak.	
4.3 Menghasilkan bahan sastera dengan menerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif.	4.3.1 Mengubah suai puisi dengan bahasa yang indah dan santun secara separa berpandu serta mempersembahkannya secara komunikasi seluruh dengan kreatif. 4.3.2 Mengubah suai cerita dengan bahasa yang indah dan santun secara separa berpandu dan mempersembahkannya secara komunikasi seluruh dengan kreatif. 4.3.3 Mengubah suai seni kata lagu dengan menggunakan diksi yang sesuai dan mempersembahkannya secara komunikasi seluruh dengan gaya yang kreatif.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.4 Mengaplikasikan, menghayati dan menghasilkan unsur keindahan dalam seni tulisan jawi.	<p>4.4.1 Mengenal, mengecam, menyebut atau mengisyarat dan menulis huruf tunggal dalam perumpamaan mengikut kaedah seni tulisan jawi.</p> <p>4.4.2 Mempersembahkan perumpamaan dengan menggunakan keindahan seni tulisan jawi.</p>	Pentaksiran aspek seni bahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat atau kemahiran menulis mengikut kesesuaian PdP.

5.0 ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.1 Memahami dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks; (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan</p> <p>5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif mengikut konteks.</p> <p>5.1.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata adjektif mengikut konteks.</p> <p>5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks; (i) kata pemerih (ii) kata penguat (ii) kata bantu</p>	<p>Pentaksiran aspek tatabahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat atau kemahiran menulis mengikut kesesuaian PdP.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.2 Memahami dan menggunakan bentuk kata mengikut konteks.	<p>5.2.1 Memahami dan menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata berimbuhan awalan (ii) kata berimbuhan akhiran (iii) kata berimbuhan apitan (iv) kata berimbuhan sisipan <p>5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata majmuk bebas dan kata majmuk mantap (ii) kata majmuk kiasan <p>5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda mengikut konteks;</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) kata ganda penuh (ii) kata ganda separa (iii) kata ganda berentak 	Pentaksiran aspek tatabahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat atau kemahiran menulis mengikut kesesuaian PdP.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.	<p>5.3.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk dengan peluasan subjek dan predikat mengikut konteks.</p> <p>5.3.2 Memahami dan membina pelbagai jenis ayat mengikut konteks; (i) ayat seruan (ii) ayat perintah</p> <p>5.3.3 Memahami dan membina ayat aktif dan ayat pasif mengikut konteks.</p> <p>5.3.4 Memahami dan membina ayat susunan biasa dan susunan songsang mengikut konteks.</p>	<p>Pentaksiran aspek tatabahasa boleh dilaksanakan melalui kemahiran mendengar dan bertutur atau kemahiran melihat, mengecam dan berisyarat, kemahiran membaca secara lisan atau isyarat atau kemahiran menulis mengikut kesesuaian PdP.</p>

GLOSARI

Perkataan	Maksud
apresiasi	Pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni.
ayat	Satu perkataan atau (lebih kerap lagi) serangkaian perkataan yang merupakan kesatuan yang membawa sesuatu maksud, kalimat.
ayat aktif	Ayat yang menekankan atau mengutamakan si pelaku sebagai subjek dan ayatnya mengandungi kata kerja yang berawalan MeN- (me-, mem-, men-, menge-, dan meny-).
ayat pasif	Ayat yang menekankan objek dan perbuatannya. Ayat ini mengandungi kata kerja tanpa awalan atau kata kerja yang berawalan di- beserta dengan kata sendi oleh.
ayat majmuk gabungan	Ayat yang dibina oleh dua ayat atau lebih yang menjadikan satu dengan cara menggabungkan atau mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung seperti dan, atau, tetapi dan sebagainya.
ayat penyata	Ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal.
ayat perintah	Ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.
ayat songsang	Susunan ayat yang berlawanan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek.

Perkataan	Maksud
ayat seruan	Ayat yang digunakan untuk melahirkan perasaan seperti takut, marah, gembira, sakit, benci dan sebagainya.
bahan grafik	Bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea.
bercerita	Menuturkan sesuatu cerita.
bahan sastera	Hasil karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.
berkomunikasi	Proses pengiriman dan penerimaan maklumat di antara dua individu atau lebih dengan cara yang efektif sehingga maklumat yang dimaksudkan dapat difahami.
berpandu	Menggunakan penunjuk jalan; ada pandunya.
bertatasusila	Adat sopan santun dan budi pekerti yang baik.
dialog	Bertukar-tukar pendapat dan bersoal jawab mengenai sesuatu.
diksi	Pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan berkesan utk mengungkapkan idea (peristiwa) secara bertulis atau lisan.
ditonton	Diperlihatkan, diperagakan, dipertunjukkan, dipamerkan.
ejaan	Cara atau peraturan menulis perkataan dengan huruf.
frasa	Kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausa.

Perkataan	Maksud
gaya	Kombinasi kesajakan, keanggunan dan ketrampilan yang menarik perhatian.
idea	Buah fikiran, gagasan.
imbuhan awalan	Penambahan imbuhan di hadapan kata dasar atau kata akar.
imbuhan akhiran	Penambahan imbuhan di akhir kata dasar atau kata akar.
imbuhan apitan	Penambahan imbuhan di hadapan dan di akhir kata dasar.
imlak	Menyebut atau membaca supaya ditulis oleh orang lain.
intonasi	Turun naik atau tinggi rendah nada suara.
isi tersurat	Idea yang telah ditulis atau tertulis atau tercatat.
isi tersirat	Idea yang terkandung atau tersembunyi.
jawapan	Sesuatu yang dituliskan sebagai penyelesaian atau keputusan terhadap sesuatu soalan atau masalah (terutamanya dalam ujian bertulis).
kata adjektif sifatan atau keadaan	Perkataan yang memberi pengertian sifatan atau keadaan sebagai unsur keterangan nama.
kata bantu	Perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama iaitu dengan menimbulkan makna-makna tambahan dari aspek waktu atau ragam.
kata nama	Sejumlah perkataan yang boleh menjadi unsur bagi binaan frasa nama, dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, tempat, benda atau konsep.

Perkataan	Maksud
kata ganda penuh	Penggandaan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak.
kata ganda separa	Penggandaan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh merupakan kata tunggal ataupun kata terbitan.
kata kerja aktif transitif	Kata kerja yang diikuti oleh objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya.
kata kerja aktif tak transitif	Kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya.
kata ganda penuh	proses menggandakan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak.
kata ganda separa	Kata ganda separa terbentuk apabila sebahagian daripada kata saja yang digandakan. Semua kata ganda separa terdiri daripada kata nama.
kata ganda berentak	Proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar tersebut. Seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang.
kata ganti nama	Digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang bercakap atau merujuk kepada diri sendiri apabila bercakap dengan orang lain.
kata pemerli	Kata tugas yang memerihalkan atau menghubungkan subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.

Perkataan	Maksud
kata penguat	Perkataan yang digunakan untuk menguatkan maksud kata adjektif.
kata majmuk mantap	Kata majmuk yang penggunaannya sudah dianggap mantap sebagai satu perkataan yang utuh. Walaupun bentuk kata tersebut ternyata mengandungi dua kata dasar, perkataan yang demikian tetap dieja sebagai satu perkataan.
kata majmuk kiasan	Kata majmuk jenis ini mempunyai maksud lain selain maksud sebenarnya.
kata nama am	Kata yang digunakan untuk menjelaskan nama sesuatu yang bernyawa seperti manusia, haiwan, benda, tumbuh-tumbuhan dan tempat secara am atau umum.
kata nama khas	Kata yang digunakan untuk menyebut sesuatu seperti manusia, haiwan, benda, tumbuh-tumbuhan dan tempat secara khusus.
kata tugas	Golongan perkataan selain kata nama, kata kerja dan kata sifat yang mendukung sesuatu tugas tertentu dalam binaan ayat, klausa dan frasa.
keputusan	Kesudahan akhir, penghabisan, kesimpulan.
kesantunan	Perihal (sifat) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau pekerti); baik dalam bahasa lisan atau pun tulisan.
komunikasi seluruh	Satu kaedah yang menggabungkan ejaan jari, isyarat, bacaan bibir, pertuturan dan implikasi auditori.
konsisten	Terus berpegang pada pendirian yang sama, tekak.

Perkataan	Maksud
konteks	Keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungi dengan sesuatu.
kreatif	Mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea.
kritis	Tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu).
lagu	Irama suara (dalam bacaan, nyanyian dan percakapan).
lisan	Sesuatu yang diucapkan (tidak ditulis).
maklumat	Makluman, pemberitahuan, pengumuman.
mekanis	(Melakukan sesuatu) seperti mesin, tidak menggunakan fikiran.
melafazkan	Mengucapkan kata; perkataan; doa.
memahami	Tahu dan mengerti benar cara sebutan, intonasi, dan makna.
memurnikan	Membersihkan benar-benar, menyucikan.
menaakul	Membuat pertimbangan dengan logik.
meneliti	Memeriksa (mengkaji, menyelidik) dengan cermat.
mengubah suai	Membuat perubahan pada sesuatu supaya menjadi sesuai dengan sesuatu keadaan (keperluan, kegunaan).
menceritakan	Menghabarkan atau memberitahukan sesuatu.
mendraf	Membuat atau menyediakan draf (surat, karangan).

Perkataan	Maksud
menilai	Membuat pertimbangan berdasarkan kriteria yang spesifik mengkritik, membuat hipotesis, memberi hujah atau pendapat, membuat keputusan.
menjana	Menghasilkan sesuatu.
menghuraikan	Membentangkan dan menerangkan (kedudukan, masalah, kebaikan, atau keburukan sesuatu) dengan panjang lebar dan teratur.
mentafsir	Memberi penjelasan (keterangan), mengulas, mengertikan, menjelaskan.
mempersembah	Menyampaikan, mengatakan, menceritakan, mempertunjukkan, menghidangkan.
memurnikan	Membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan.
menaakul	Hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik.
mengaplikasi	Menggunakan secara praktik atau amali.
menganalisis	Menghuraikan sesuatu perkara untuk mengetahui hubungan antara satu sama lain.
mengecam	Kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar.
mengedit	Menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat.
menghayati	Mengalami dan merasai atau dalam batin, meresapkan ke dalam jiwa.

Perkataan	Maksud
mengisyarat	Segala sesuatu (seperti gerakan kepala, kerdipan mata, lambaian tangan) yang dilakukan sebagai tanda.
mengujarkan	Mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan.
menyatakan	Menjadikan nyata, menerangkan, menjelaskan.
menyerapkan	Memasukkan sesuatu benar-benar ke dalam hati atau badan; menggabungkannya dengan yang lain.
multimedia	Proses komunikasi interaktif berasaskan teknologi komputer yang menggabungkan penggunaan pelbagai unsur media digital seperti teks, audio, grafik, animasi dan video untuk menyampaikan maklumat.
peluasan	Perihal atau perbuatan meluaskan atau memperluas.
pendapat	Kesimpulan yang dibuat atau diperoleh daripada berfikir (dan membayangkan sikap atau pendirian seseorang tentang sesuatu), pandangan, fikiran.
penjodoh bilangan	Penjodoh bilangan digunakan sebelum sesuatu kata atau nama yang menunjukkan jumlah atau bilangan.
perasaan	Perihal merasa dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu.
perenggan	Blok teks dalam badan dokumen yang terdiri daripada beberapa ayat.

Perkataan	Maksud
peribahasa	Ayat atau kata kelompok yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.
perkataan	Bunyi atau gabungan bunyi dalam sesuatu bahasa yg disebutkan atau dituliskan dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud, kata.
pertimbangan	Fikiran atau renungan mengenai buruk baik sesuatu perkara sebagai dasar sesuatu keputusan.
perumpamaan	Umpamaan sesuatu yang dianggap sama dengan, ibarat, misal.
prosa	Karangan yang bertulis dengan bahasa yang biasa (tidak berbentuk sajak), puisi; memprosakan menukarkan puisi (sajak) kepada prosa.
respons	Reaksi.
rumusan	Penyataan atau kesimpulan tentang soal-soal pokok (ketetapan, pendirian) yang dinyatakan secara ringkas dan tepat.
sajak	Persamaan bunyi pada suku kata (dalam syair, pantun).
syair	Sejenis karangan bersajak (tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat baris yang sama bunyi hujungnya).
sebutan	Apa yang disebut atau cara melafazkan.
seni khat	Seni bagi memberi bentuk bagi tanda dalam bentuk gambaran, harmoni dan kemahiran.
seni kata	Susunan kata-kata yang indah (untuk lagu).

Perkataan	Maksud
separa	Tidak sepenuhnya atau tidak seluruhnya; sebahagian saja.
situasi formal	Situasi rasmi seperti berceramah, berpidato, bermesyuarat atau berbahas yang memerlukan penggunaan bahasa baku.
situasi tidak formal	Situasi tidak rasmi yang menggunakan bahasa yang santai dan tidak memerlukan penggunaan bahasa baku.
soalan	Sesuatu yang ditanyakan (dalam peperiksaan), pertanyaan.
tanda baca	Simbol atau tanda yang digunakan untuk memberi isyarat kepada pembaca supaya melakukan sesuatu dalam bacaan.
teks	Kata-kata asli oleh pengarangnya (bukan terjemahan, ulasan, ringkasan daripada asalnya).
terperinci	Telah dihuraikan sepenuhnya.
tulisan berangkai	Huruf yang ditulis bersambung atau berkait supaya menjadi satu perkataan berangkai.
tulisan mekanis	Menulis abjad, suku kata, perkataan dan ayat tanpa perlu banyak berfikir dan meniru atau menyalin sahaja.
ujaran	Sesuatu yang diucapkan atau disebutkan.

PANEL PENGGUBAL PENDIDIKAN KHAS

- | | | |
|-----|--|--|
| 1. | Paizah binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Oliza binti Omar | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Abd. Rasid bin Hj. Jali | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 4. | Nursyazana binti Zakaria | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 5. | Saiful Azam Khoo bin Abdullah | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 6. | Prof. Madya Dr. Mohd Hanafi bin Mohd Yasin | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 7. | Anita Sapura binti Shaari | IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur |
| 8. | Ng Chek Ee | SK (1) Tengku Bendahara Azman, Pelabuhan Klang |
| 9. | Norhafisah binti Yusoff | SK Putrajaya Presint 18(1), Putrajaya |
| 10. | Rohanizan binti Jaafar | SK (Dua) Sultan Alam Shah, Petaling Jaya ,Selangor |

TURUT MENYUMBANG

- | | | |
|----|-----------------------|--------------------------------|
| 1. | Fazlinah binti Said | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 2. | Dr. Mazlan bin Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| 3. | Chin Fong Phin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|---------------------------|--|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah
(Dasar dan Sains & Teknologi) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufiq Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-453-2



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>